

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 14 October 2015 |



NAJIB TUN RAZAK mengaminkan doa awal tahun 1437 Hijrah yang diketuai oleh Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Sheikh Ismail Muhammed di Masjid Negara, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (kiri) dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. - UTUSAN/ RUSHDI SALLEH

## Semangat hijrah sumber kesungguhan rakyat - Najib

WM - 14/10/2015

**KUALA LUMPUR 13 Okt.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berharap semangat hijrah dapat menjadi sumber kesungguhan dan iltizam rakyat untuk menjadi umat yang terbaik dan mampu membawa rahmat risalah Islam ke seluruh alam sepanjang zaman.

Perdana Menteri berkata, sebagaimana yang ditekankan beliau semasa berucap dalam perbahasan umum Sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-70 di New York baru-baru ini, sesebuah negara Islam itu berperanan mempromosikan perlumbaan dari segi kemuliaan, pengetahuan, kebaikan, simpati dan merendah diri, tanpa sebarang paksaan.

"Marilah kita teruskan perjalanan transformasi kita, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bertuah yang berpegang dengan pendekatan wasatiyyah bersendikan Maqasid Syariah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan kita.

"Walau cabaran ekonomi dan politik menyergah kita, namun dengan izin Allah Taala, cita-cita kita untuk menjadi sebuah negara maju yang makmur akan kita ter-

uskan," katanya dalam Perutusan Maal Hijrah 1437/2015 di laman *najibrazak.com* hari ini.

Beliau memberitahu, wawasan nasional Malaysia adalah untuk menjadi sebuah Negara Islam moden yang maju dan berpendapatan tinggi.

"Wawasan global kita pula ialah untuk menjadikan dunia yang mengandungi panca negara, bangsa, bahasa dan agama ini sebagai medan kehidupan yang sejahtera dan makmur," katanya.

Jelasnya, peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat ke kota Madinah adalah peristiwa agung yang telah menjadi sumber kepada transformasi ketamadunan dan kemakmuran manusia.

"Limpahan cahaya (daripada Madinah) ini akhirnya telah mewarnai serta mencorakkan Tanah Arab, Eropah, Afrika, benua kecil India hatta ke China. Sudah tentu gugusan nusantara juga telah disinari dengan cahaya rahmat ini. Malah ada pakar-pakar sejarah menukilkan bahawa sejarah Islam di nusantara ini telah bermula seawal zaman hayat baginda Nabi Muhammad SAW lagi," katanya.

Jelasnya, umat Islam pada ketika

ini juga perlu berhati-hati kerana kewujudan ekstremis radikal seperti kumpulan pengganas Negara Islam (Negara Islam) telah mencalar kesucian wajah agama Islam yang sebenar.

"Pada satu hujung yang lain, muncul pula kelompok pelampau yang menjadikan liberalisme sebagai akar-budi mereka. Pelampau liberalisme ini telah melonggarkan segalanya hatta agama. Ini juga satu ekstrem yang membawa ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan negara," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam perutusannya pula menyeru umat Islam menghayati sirah penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke kota Madinah.

"Perkara aula yang baginda laksanakan adalah dengan menyatupadukan kaum Aus dan Khazraj kemudian kaum Ansar dan Muhajirin menjadi saudara," ujarnya.

Semangat perpaduan itulah katanya, yang harus diterjemahkan dalam realiti kehidupan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini.